



SIARAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
ZON SABAH



UNTUK SIARAN SEGERA

4 APRIL 2023 (SELASA)

BILANGAN 4/2023 (SABAH)

**JKDM TAHAN TIGA KONTENA BERISI MINUMAN KERAS
BERNILAI LEBIH RM 250 RIBU DENGAN ANGGARAN DUTI SERTA CUKAI
BERJUMLAH LEBIH RM1 JUTA**

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sentiasa komited dalam menangani sebarang aktiviti yang melibatkan penyeludupan barang larangan. Baru-baru ini, sepasukan anggota daripada **Cawangan Siasatan Khas** dengan kerjasama **Cawangan Import Eksport Pelabuhan Sapanggar** dan **Unit Operasi Penguatkuasaan Kota Kinabalu** telah berjaya menahan **tiga (3) buah kontena berisi minuman keras** yang disyaki cuba diseludup masuk ke dalam negara, dengan anggaran nilai **RM 255,500.00**, manakala anggaran jumlah nilai duti dan cukai terlibat adalah sebanyak **RM 1,040,300.00**.

Berikut merupakan perincian kes:

KES PERTAMA:

1. Pada **31 Mac 2023**, lebih kurang **10.30 pagi**, bertindak berdasarkan hasil penilaian risiko dan imej imbasan mesin pengimbas, pasukan serbuan yang terdiri daripada anggota di bawah Cawangan Siasatan Khas, Cawangan Import Eksport Pelabuhan Sapanggar dan Unit Operasi Penguatkuasaan Kota Kinabalu telah membuat penahanan terhadap sebuah kontena disyaki berisi minuman keras yang cuba diseludup masuk ke dalam negara ini melalui Pelabuhan Sapanggar, Kota Kinabalu.

 088-348100

 088-348200

 www.customs.gov.my

 @jkdmzonsabahofficial

 jkdmzonsabahofficial

2. Hasil pemeriksaan awal terhadap kontena yang ditahan, pasukan serbuan kastam telah menjumpai sebuah kontena dianggarkan mengandungi sejumlah **23,868 liter minuman keras jenis bir** pelbagai jenama dengan anggaran nilai harga **RM 85,760.00** dan anggaran nilai duti serta cukai terlibat berjumlah **RM 348,290.00**.

KES KEDUA:

3. Pada **31 Mac 2023**, lebih kurang **10.45 pagi**, bertindak berdasarkan hasil penilaian risiko dan imej imbasan mesin pengimbas, pasukan serbuan yang terdiri daripada anggota di bawah Cawangan Siasatan Khas, Cawangan Import Eksport Pelabuhan Sapanggar dan Unit Operasi Penguatkuasaan Kota Kinabalu telah membuat penahanan terhadap sebuah kontena disyaki berisi minuman keras yang cuba diseludup masuk ke dalam negara ini melalui Pelabuhan Sapanggar, Kota Kinabalu.
4. Hasil pemeriksaan awal terhadap kontena yang ditahan, pasukan serbuan kastam telah menjumpai sebuah kontena dianggarkan mengandungi sejumlah **22,176 liter minuman keras jenis bir** pelbagai jenama dengan anggaran nilai harga **RM 84,040.00** dan anggaran nilai duti serta cukai terlibat berjumlah **RM 343,816.00**.

KES KETIGA:

5. Pada **31 Mac 2023**, lebih kurang **11.00 pagi**, bertindak berdasarkan hasil penilaian risiko dan imej imbasan mesin pengimbas, pasukan serbuan yang terdiri daripada anggota di bawah Cawangan Siasatan Khas, Cawangan Import Eksport Pelabuhan Sapanggar dan Unit Operasi Penguatkuasaan Kota Kinabalu telah membuat penahanan terhadap sebuah kontena disyaki berisi minuman keras yang cuba diseludup masuk ke dalam negara ini melalui Pelabuhan Sapanggar, Kota Kinabalu.



088-348100



088-348200



www.customs.gov.my



[@jkdmzonsabahofficial](https://www.facebook.com/jkdmzonsabahofficial)



[jkdmzonsabahofficial](https://www.instagram.com/jkdmzonsabahofficial)

6. Hasil pemeriksaan awal terhadap kontena yang ditahan, pasukan serbuan kastam telah menjumpai sebuah kontena dianggarkan mengandungi sejumlah **23,868 liter minuman keras jenis bir** pelbagai jenama dengan anggaran nilai harga **RM 85,760.00** dan anggaran nilai duti serta cukai terlibat berjumlah **RM 348,290.00**.

MODUS OPERANDI:

7. Modus operandi bagi kedua-dua kes ini adalah membuat pengiklanan palsu dengan mengikrar dagangan import sebagai barangan lain seperti *printer, insulate wire, wooden furniture, dining table, sewing machine, computer accessories, poultry feeding equipment* dan *fibre cement furniture* bagi tujuan penyeludupan dan sekaligus mengaburi mata pihak berkuasa.

KESALAHAN:

8. Kes sedang disiasat di bawah **Seksyen 52 dan 135 (1) (a) Akta Kastam 1967**. Jika sabit kesalahan, kesalahan pertama memperuntukkan denda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda nilai barang atau seratus ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih besar dan tidak lebih dari dua puluh kali ganda nilai barang atau lima ratus ribu ringgit mengikut mana-mana yang lebih besar, atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya.

KERJASAMA ORANG RAMAI:

9. Sehubungan itu, orang ramai digesa membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut. Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi kehilangan hasil, malah ianya turut mendatangkan ancaman keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.



088-348100



088-348200



www.customs.gov.my



[@jkdmzonsabahofficial](https://www.facebook.com/jkdmzonsabahofficial)



[jkdmzonsabahofficial](https://www.instagram.com/jkdmzonsabahofficial)

10. JKDM menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi **Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855** atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri. Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

Sekian, terima kasih.

MOHD NASIR DERAMAN
PENOLONG KETUA PENGARAH KASTAM
ZON SABAH
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
4 APRIL 2023



088-348100



088-348200



www.customs.gov.my



[@jkdmzonsabahofficial](https://www.facebook.com/jkdmzonsabahofficial)



[jkdmzonsabahofficial](https://www.instagram.com/jkdmzonsabahofficial)